



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2010

**PERUBAHAN PERBEKALAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PERKHIDMATAN
PENSYARAH UNIVERSITI, PENSYARAH PERUBATAN, PENSYARAH PERGIGIAN
DAN PENSYARAH UiTM**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai peruntukan perbekalan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Ulung dalam skim-skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju untuk memperluaskan peluang kemajuan kerjaya kepada pensyarah di IPTA hingga ke peringkat lebih tinggi tanpa perlu memegang sebarang jawatan pentadbiran. Ekoran keputusan tersebut, kerajaan akan mewujudkan jawatan baru yang dikenali sebagai Profesor Ulung Gred Khas Turus III, II dan I.

3. Kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Ulung akan dilaksanakan berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh sebuah jawatankuasa di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi. Calon yang dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Ulung akan menerima Elaun Profesor Ulung berserta geran penyelidikan.

PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN

4. Perbekalan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Ulung dalam skim-skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM adalah seperti berikut:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka/luar biasa/unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
- (c) diperakukan oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

5. Di samping itu, perbekalan kenaikan pangkat jawatan Profesor Gred Khas C ke Profesor Gred Khas A dalam keadaan istimewa juga ditambah untuk kesemua skim perkhidmatan tersebut. Mana-mana Profesor Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat terus ke jawatan Profesor Gred Khas A.

6. Perbekalan-perbekalan lain dalam keempat-empat skim perkhidmatan pensyarah di universiti adalah tidak berubah. Skim-skim perkhidmatan yang baru adalah seperti di **Lampiran [A](#), [B](#), [C](#)** dan **[D](#)**, manakala format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran [A1](#), [B1](#), [C1](#)** dan **[D1](#)**.

PELAKSANAAN

7. Dengan berkuat kuasanya perubahan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM ini, semua pegawai yang sedang berkhidmat adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang baru ini.


TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 September 2010**.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM yang berkuat kuasa mulai 1 September 2007 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2008 adalah dibatalkan dan diganti dengan skim perkhidmatan baru ini.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

15 Disember 2010

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
Semua Timbalan Naib Canselor IPTA